

## **Pendekatan Politik Parti Islam SeMalaysia (PAS): Satu Sorotan**

**Badlisham Mohd Nasir**

### **Abstract**

*PAS's idealism is Islam and struggle to establish an Islamic State. However, establishing an Islamic State is not an easy task and different methods allowed in a democratic country has been adopted so far. This article examined PAS's political mileage right from its establishment until recent years. It also discusses "political compromises" - taḥāluf siyāsī - that has taken place between PAS and other parties.*

Parti Islam SeMalaysia (PAS) adalah nama yang tidak asing lagi dalam kancah politik tanahair. Parti kelahiran sejak sebelum merdeka (1951) ini telah melalui ranjau dan duri politik yang menjadikannya semakin matang dalam menjana pendekatan politik Islam di sebuah negara demokrasi. Beberapa persoalan timbul dalam membicarakan pendekatan politik parti ini. Di antaranya; PAS didakwa menjadikan agama dan ulamak sebagai topeng untuk meraih undi, PAS adalah sebuah parti *ultra-Malay* yang hanya memperjuangkan nasib orang-orang Melayu-Islam, PAS adalah sebuah parti yang fanatik, taksub dan ekstrem; PAS tidak mengutamakan dakwah dan hikmah dalam melaksanakan pendekatannya dan PAS adalah sebuah parti yang tidak konsisten. Akhir-akhir ini PAS didakwa telah kehilangan idealisme perjuangannya yang asal justeru beberapa pendekatan terbukanya kepada golongan bukan Islam. Perubahan ini diulas oleh ahli akademik seperti Profesor Ramlah Adam yang mendakwa bahawa PAS telah mengeneipkan prinsip perjuangan pemimpin ulungnya seperti Dr. Burhanuddin al-Helmi yang dikatakan menekankan kepentingan politik

Melayu-Islam.<sup>1</sup> Tulisan ini bukan bermaksud untuk mengupas secara terperinci prinsip parti Islam ini tetapi cuba menyorot kembali pendekatan-pendekatan politik yang dilakukan oleh PAS dalam usahanya menguasai politik tanahair. Sorotan ini turut menekankan peranan Islam; iaitu prinsip asas yang mendominasi pendekatan politik parti ini. Ianya diharap dapat memberikan respon umum kepada beberapa persoalan yang diutarakan di atas.

(I)

Dari sudut sejarah, dakwaan PAS sebagai sebuah parti Melayu-Islam yang lebih menekankan perjuangan masyarakat Melayu dalam bentuk radikal di bawah pimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmi memang tidak dapat dinafikan. Hakikat kepimpinan Dr. Burhanuddin yang mewarisi tiga trend utama iaitu dikatakan berlanjutan pada masa beliau memimpin PAS.<sup>2</sup> Justeru beliau meneruskan sokongan terhadap perjuangan menegakkan Melayu Raya (gabungan Tanah Melayu-Indonesia) dan menentang keras pembentukan Malaysia yang dianggapnya akan mengurangkan suara majoriti Melayu pada masa akan datang. Namun demikian, persoalan terlalu mementingkan status bangsa Melayu dengan mengeneipkan Islam tidak timbul dalam konteks perjuangan Dr. Burhanuddin. Beliau mengakui bahawa pendekatan perjuangan Melayu-Islam adalah sesuai pada waktu itu kerana pendukung Islam pada waktu itu adalah orang-orang Melayu. Ini dapat dilihat kepada indikasi umum yang menyatakan asosiasi Melayu-Islam dan Islam-Melayu. Tanggapan ini (walaupun boleh diperdebatkan) mungkin boleh memberi suatu implikasi politik yang positif, terutamanya jika dilihat dari perspektif penubuhan sebuah negara Islam-Melayu bersama-sama Indonesia, di mana sebuah negara majoriti umat Islam dapat ditegakkan. Takrifan Melayu yang diterima pakai oleh Dr. Burhanuddin agak longgar, di mana sesiapa sahaja yang menganut Islam akan secara langsung dianggap sebagai Melayu. Justeru itu adalah sukar untuk menyatakan bahawa Dr. Burhanuddin meninggalkan elemen Islam demi memperjuangkan bangsa Melayu. Tambahan pula, beliau tidak pernah undur dalam memperjuangkan dasar parti untuk menegakkan sebuah negara Islam.<sup>3</sup> Ini berbeza dengan dasar kebangsaan UMNO yang didakwa meneruskan pemerintahan sekular yang diwarisi sejak zaman penjajahan lagi.<sup>4</sup>

Walaubagaimanapun, pelaksanaan gagasan Islam oleh PAS tidak begitu memuaskan meskipun ia berjaya menguasai Kelantan (1957-1978) dan Terengganu (1959-1961). Ketandusan yang mungkin disebabkan oleh kelemahannya sebagai pembangkang atau komitmennya sendiri yang pudar telah memperlihatkan PAS gagal mendirikan sebuah negara Islam atau melaksanakan program Islamisasi secara besar-besaran di negeri-negeri yang dikuasainya. Ini dapat ditinjau dari tindakan Pemuda PAS sendiri yang mengkritik kegagalan pemimpinnya membenteras masalah arak, pelacuran dan judi di Kelantan pada awal tahun 1960an.<sup>5</sup> Ketidakupayaan ini

seringkali ditutupi dengan meletakkan kesalahan kepada parti pemerintah, UMNO yang kononnya menjadi penghalang kepada pelaksanaan Islam di negara ini. Perubahan ke arah sikap yang lebih berhikmah dan bertolak ansur mula kelihatan apabila PAS menyertai kerajaan campuran pada tahun 1974. Selain bermotif untuk memperkuatkan ketuanan politik orang-orang Melayu serta menyelesaikan masalah kewangan kerajaan negeri Kelantan,<sup>6</sup> gabungan ini boleh menguntungkan PAS khususnya dalam bersaing dengan UMNO di kalangan orang-orang Melayu.<sup>7</sup>

Percaturan politik ini juga dilaksanakan di atas motif untuk berdakwah secara hikmah. Ini dapat dilihat dari kertas usul dari Setiausaha Agung yang berhasrat untuk mewujudkan perpaduan nasional yang berlandaskan roh persaudaraan Islam, meningkatkan taraf ekonomi orang-orang Melayu, melaksanakan dasar pendidikan yang baru serta menjalankan dakwah Islamiah.<sup>8</sup> Pemimpin-pemimpin PAS yang menyokong *Tahāluḥ Siyāsī* (persefahaman politik) mengingatkan bahawa parti itu perlu mengambil iktibar dari kegagalan al-Ikhwān al-Muslimūn yang ditindas oleh pemerintah Mesir. Justeru itu, PAS juga berkemungkinan akan diharamkan sekiranya berterusan menentang kerajaan Malaysia. Di antara jalan terbaik ialah menjalinkan persefahaman dengan parti pemerintah, UMNO.<sup>9</sup>

Hasrat ini dibincangkan dalam Muktamar PAS ke 4, Julai 1972. Perdebatan hangat timbul untuk menentukan sejauh manakah ianya didapati tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip al-Qur'an.<sup>10</sup> Usul ini ditolak khususnya oleh Dewan Ulamak PAS yang mendakwa keputusan membolehkan gabungan ini hanyalah berdasarkan kaedah usul Fiqh semata-mata, tanpa merujuk kepada nas-nas yang jelas di dalam al-Qur'an dan Sunnah. Mereka juga mendakwa bahawa tindakan ini akan menyebabkan PAS menyeleweng dari prinsip perjuangan yang berteraskan Islam. Justeru tindakan ini dianggap lebih dipengaruhi oleh beberapa pimpinan PAS serta masih meragui keikhlasan UMNO, mereka bertegas menolak gabungan ini. Walaubagaimanapun, keputusan muktamad untuk menyertai gabungan ini tercapai apabila didapati 100 undi menyokong usul berbanding 90 yang menentangnya.<sup>11</sup> Gabungan PAS-Perikatan yang ditandatangani secara rasmi pada 1 Januari 1973 meliputi 13 perkara iaitu:

1. Sebuah Kementerian akan diberi kepada PAS, iaitu Kementerian Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas Khas yang akan bertanggungjawab dalam hal-ehwal tanah, pembukaan dan kemajuannya, dan juga perkara-perkara lain yang akan ditentukan oleh Perdana Menteri dari satu masa ke satu masa.
2. Menteri tersebut akan dilantik dengan persetujuan Raja-Raja menjadi Timbalan Pengerusi Majlis Kebangsaan Hal-Ehwal Ugama Islam Malaysia.
3. Jawatan-jawatan timbalan menteri, setiausaha Parlimen, setiausaha politik dan sebagainya bolehlah dirunding dan mendapat persetujuan Perdana Menteri.

4. Perdana Menteri akan menimbang calon-calon yang ditunjuk oleh parti PAS bagi menjadi anggota Dewan Negara apabila ada kekosongan.
5. Perdana Menteri akan menimbang pemimpin-pemimpin PAS yang layak untuk menyertai rombongan-rombongan rasmi keluar negeri dan juga jawatan-jawatan perkhidmatan di luar negeri yang difikirkan sesuai, perlu dan munasabah.
6. Kerajaan akan menimbang mana-mana ahli PAS yang difikirkan sesuai untuk mengambil bahagian dalam jawatankuasa-jawatankuasa, lembaga-lembaga dan perbadanan-perbadanan bagi pertimbangan Perdana Menteri. Begitulah juga sebaliknya di Kelantan, ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin Perikatan akan diberi pertimbangan yang sama oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk mengambil bahagian dalam jawatankuasa-jawatankuasa, lembaga-lembaga dan perbadanan-perbadanan dalam negeri itu.
7. Dua orang anggota Dewan Negeri Kelantan dari parti Perikatan yang ditunjuk oleh partinya akan dilantik menjadi ahli exco negeri.
8. Dua orang anggota Dewan Negeri Kedah dan Terengganu dari parti PAS di tiap-tiap negeri itu yang ditunjuk oleh partinya akan dilantik menjadi ahli-ahli exco negerinya masing-masing.
9. Selama Kerajaan Campuran Perikatan-PAS ini wujud, tiada ada sebarang pertandingan antara PAS dengan Perikatan di dalam pilihanraya kecil di dalam kawasanya masing-masing kecuali kawasan-kawasan di mana telah dimenangi oleh parti yang lain maka perundingan hendaklah diadakan terlebih dahulu.
10. Begitu juga kawasan-kawasan pilihanraya yang dimenangi oleh PAS dalam pilihan raya umum 1969 yang kemudiannya ahli-ahli yang berhormat berkenaan berhenti daripada menjadi ahli PAS, maka sekiranya berlaku pilihanraya kecil dalam kawasan yang tersebut, maka satu perundingan hendaklah diadakan, jika sebarang persetujuan tidak tercapai maka pertandingan seperti biasa bolehlah diadakan.
11. Hendaklah tiada sebarang ikatan atau perjanjian untuk menghadapi pilihanraya umum yang akan datang. Segala sesuatu akan dibincangkan kelak apabila tiba waktunya.
12. Kebebasan anggota PAS dalam kabinet pusat, exco negeri, parlimen dan majlis undangan negeri untuk membangkang sebarang cadangan atau undang-undang yang berlawanan dengan Islam hendaklah terjamin.
13. Sebuah jawatankuasa penyalaras hendaklah ditubuhkan dengan anggota-anggotanya terdiri sama banyak antara PAS dengan Perikatan.<sup>12</sup>

Sebagai sebuah gabungan, PAS dan Perikatan bersetuju untuk melaksanakan enam perkara asas dalam pemerintahan mereka. Perkara-perkara tersebut ialah:

1. PAS melalui Kerajaan Campuran Perikatan - PAS berazam membentuk negara Malaysia ini sebuah negara yang aman dan damai, harmonis, mempunyai nilai-nilai moral dan kerohanian. Dengan demikian pembangunan rohani rakyat hendaklah digembelngkan bersama-sama dengan usaha pembangunan lahir yang sedang berjalan dengan pesatnya sekarang sesuai dengan agama Islam sebagai agama negara serta prinsip-prinsip rukun negara, maka nilai-nilai KETUHANAN akan menjadi teras dalam usaha-usaha pembangunan dan perlembagaan negara.
2. Dalam menuju kesempurnaan prinsip-prinsip itu, maka PAS dengan Kerajaan Campuran Perikatan yang diwujudkan itu akan berusaha memberikan nilai-nilai Islam ke dalam perundangan dan perlembagaan negara.
3. PAS dengan Kerajaan Campuran itu berazam melaksanakan dasar ekonomi baru dengan bersungguh-sungguh, jujur dan tidak pilih kasih sehingga cita-cita mewujudkan perseimbangan sosial dan ekonomi antara yang berada dengan yang tidak berada di negara ini serta cita-cita membasmi kemiskinan di kalangan rakyat itu mencapai kejayaan yang cemerlang.
4. PAS dengan Kerajaan Campuran itu berazam mewujudkan kebudayaan yang berteraskan kebudayaan Melayu yang tidak berlawanan dengan Islam dalam segenap bidang.
5. PAS dengan Kerajaan Campuran itu berazam memelihara keselamatan negara dan menghapuskan sebarang ancaman baik dari dalam mahupun dari luar, dan untuk ini pertahanan negara akan diperkembangkan dan diperbesarkan sesuai dengan cita-cita mewujudkan kemampuan nasional di bidang pertahanan.
6. PAS dengan Kerajaan Campuran itu berazam meneruskan dasar luar yang bebas dan aktif dan akan terus memperjuangkan konsep berkecuali negara-negara Asia Tenggara bagi menjamin tercapainya keamanan di rantau ini. Dan di samping itu akan berusaha mengeratkan lagi hubungan dengan negara-negara sahabat terutamanya negara-negara umat Islam.<sup>13</sup>

Bertolak daripada persefahaman di atas, PAS mencuba pendekatan baru iaitu bekerja dari dalam sistem pemerintahan yang wujud. Ramai pemimpin-pemimpin PAS dilantik ke jawatan-jawatan penting kabinet. Dato' Asri yang diberikan jawatan sebagai Menteri Tanah, Galian dan Tugas-tugas Khas juga dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam. Dato' Hassan Adli yang diberi

jawatan sebagai Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan juga dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.<sup>14</sup>

Kesempatan terhad ini digunakan sepenuhnya oleh PAS untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti Islam seperti Program Bulan Dakwah yang dilancarkan pada tahun 1978. Program ini bukan sahaja dilihat menyemarakkan kebangkitan Islam dan gerakan-gerakan Islam seperti ABIM dan al-Arqam tetapi juga menunjukkan bahawa kerajaan Campuran mempunyai minat yang besar untuk turut serta dalam arus kebangkitan dakwah Islamiah sejagat.<sup>15</sup>

Beberapa kejayaan yang dilakukan oleh PAS sewaktu dalam kerajaan ialah pengharaman iklan arak, judi Toto dan Loteri Kebajikan Masyarakat di TV. Amalan menghidangkan arak dalam majlis-majlis kerajaan seperti “*banquets*” juga berjaya ditamatkan. PAS turut mendesak Menteri Undang-undang supaya meminda perlembagaan bagi memudahkan pelaksanaan Syariah di negara ini. Desakan supaya diperbanyakkan lagi institusi pengajian Islam juga menjadi faktor kepada kelahiran Maktab Perguruan Islam di Petaling Jaya. Pendekatan seperti ini dianggap menjadi saingan kepada UMNO, khususnya usaha dakwah PAS di Tanah Rancangan Felda yang menyebabkan semakin ramai orang-orang Melayu menyertai parti itu. Kejayaan seperti ini terganggu oleh krisis kepimpinan dalaman di antara Dato’ Asri dan Dato’ Muhammad Nasir. Kesempatan ini digunakan sebaiknya oleh UMNO untuk menawan semula Kelantan menerusi perisytiharan darurat yang membawa kepada tersingkirnya PAS dari pakatan ini pada tahun 1978.<sup>16</sup> Ahli-ahli yang tidak bersetuju dengan usaha Kerajaan Campuran serta pendukung-pendukung gerakan Islam seperti ABIM menganggap peristiwa ini menandakan kegagalan pendekatan “dakwah dari dalam”. Sedikit sebanyak imej PAS sebagai sebuah organisasi yang mempunyai prinsip perjuangan Islamnya yang tersendiri telah tercalar.

## (II)

Di akhir era 1970an, PAS mendapat nafas baru justeru penghijrahan ramai tokoh-tokoh ABIM seperti Ustaz Fadhil Noor, Haji Abdul Hadi Awang dan Syed Ibrahim Syed Abdul Rahman ke dalam parti itu. Perkembangan ini menonjolkan suatu pembentukan orde baru bagi menggantikan kepimpinan Dato’ Asri yang masih menekankan pendekatan Melayu-Islam. Kepimpinan baru yang dijoloki sebagai kepimpinan Ulamak ini memulakan pendekatan yang lebih terbuka khususnya bagi menarik golongan bukan Islam kepada PAS. Mereka cuba mengubah imej parti kepada sebuah gerakan Islam yang turut terlibat secara serius dalam dakwah. Hakikat ini boleh dilihat dalam Seminar Perpaduan Rakyat di Dewan Perhimpunan Cina Selangor pada tahun 1985. Banner seminar yang ditulis dalam bahasa Mandarin dianggap sebagai jambatan awal memperkenalkan parti dan Islam secara lebih serius kepada masyarakat Cina. Presiden parti, Haji Yusof Rawa dalam ucapan

perasmiannya menyeru supaya orang-orang Islam mengeneppikan keangkuhan dan berusaha ke arah pembinaan masyarakat dan negara yang harmoni.<sup>17</sup>

Lebih mengejutkan umum apabila Ustaz Abdul Hadi membuat kenyataan bahawa sekiranya PAS memerintah negara, calon bukan Melayu berhak menjadi Perdana Menteri sekiranya dia seorang Muslim. Berdasarkan fakta sejarah pemerintahan Rasulullah di Madinah dan al-Khulafā' al-Rāshidūn, beliau berjanji untuk menjamin hak-hak bukan Islam di negara ini.<sup>18</sup> Pendekatan ini menarik minat masyarakat bukan-Islam, khususnya di kalangan orang-orang Cina. Hasilnya, satu pakatan ditubuhkan menerusi Chinese Consultative Council atau CCC (Majlis Pemuaafakatan Cina) menjelang Pilihanraya Umum pada tahun 1986. Antara butiran pakatan berkenaan yang disiarkan oleh akhbar New Sunday Times adalah;

1. All people are equal and all cultures, languages and religions shall be respected and allowed.
2. There shall be no classification of people into the "conqueror" and "conquered" of the "Bumiputera" and "Non-Bumiputera".
3. Any person who believes and reveres the true, almighty and just God, and who has good moral character, wisdom and dedication shall be allowed and accepted to hold office of high authority.
4. The basis of all policies shall be equality, fairness, righteousness, justice, democracy, and for the interests of the people.
5. There shall be two systems of law. The Islamic law will govern Muslims while the secular law will govern non-Muslims.
6. All minority interests shall be protected.
7. While the 'Ulama will be consulted, the country shall be ruled by an elected Parliament.
8. No one shall be compelled to convert to the Muslim faith, and a Muslim will be allowed to stay with his non-Muslim family.<sup>19</sup>

Keterbukaan PAS seterusnya tergambar melalui kerjasamanya dengan lain-lain parti pembangkang seperti NASMA (Nationalist Malaysian Party), PSRM (Parti Sosialis Rakyat Malaysia) dan SDP (Sepakat Democratic Party). Kerjasama ini membentuk satu lagi *Taḥāluf Siyāsī* (persefahaman politik) dikenali sebagai Harakah Keadilan Rakyat (The People's Justice Movement) yang ditubuhkan pada 15 Julai 1986. Antara tujuan utama gabungan ini ialah untuk mengurangkan majoriti dua pertiga Barisan Nasional, di samping cuba untuk membina hubungan baik dengan parti-parti lain yang berbeza ideologi dan pendekatan.<sup>20</sup> PAS menganggap bahawa kerjasama ini boleh dimanfaatkan justeru parti-parti gabungan bersetuju terhadap

matlamat PAS untuk menegakkan sebuah negara Islam dan turut berazam untuk menjadikan Islam sebagai suatu cara hidup.<sup>21</sup> Sebaliknya, ramai pemerhati terutamanya di kalangan pejuang-pejuang kebangsaan Melayu pula mendakwa bahawa pendekatan ini sedikit sebanyak akan menjejaskan hak-hak keistimewaan orang Melayu di negara ini. Kesempatan ini digunakan oleh UMNO untuk menonjolkan dirinya sebagai pejuang Melayu dan seterusnya mendakwa PAS telah mengeneipkan kepentingan semata-mata ingin memenangi kekuasaan politik. Hasilnya, PAS mengalami kekalahan besar dalam pilihanraya umum 1986 di mana hanya memenangi satu kerusi parlimen sahaja iaitu di Pengkalan Chepa, Kelantan.

### (III)

Kekalahan teruk PAS dalam pilihanraya ini menimbulkan pertanyaan samada idea pendekatan gabungan politik dan dakwah masih relevan dengan hakikatnya sebagai sebuah parti politik yang mendapat dukungan Melayu-Islam. Pendekatan yang terbuka terhadap komitmen dakwahnya kepada golongan bukan Islam masih tidak dapat diterima oleh pengundi-pengundi Melayu mahupun bukan Islam. Sebagai sebuah parti yang jelas menjadikan dakwah sebagai saluran utama dalam mencapai cita-cita menegakkan sebuah masyarakat dan negara Islam, PAS meneruskan cita-cita ini melalui satu lagi persefahaman politik dengan bekas-bekas ahli UMNO yang menubuhkan parti baru bernama Semangat 46. Dari sudut politik, PAS terpaksa mengakui keupayaannya yang terbatas untuk bertanding bersendirian. Kesempatan perpecahan dalam UMNO pula membuka peluang bergabung dengan Tengku Razaleigh, khususnya dalam usaha menawan Kelantan.<sup>22</sup>

Dari sudut agama pula, PAS mempunyai beberapa justifikasi yang didakwa selaras dengan pendekatan Syarak. Ustaz Hadi berhujah bahawa *tahāʿluf* boleh digunakan berdasar kepada keperluan masa dan suasana sesuatu cabaran. Ia juga dilihat dari dua sudut iaitu tahap penubuhan kerjasama politik dan tahap gabungan politik. Pada tahap kedua, beliau berpendapat ianya hendaklah menguntungkan Islam, memperakui penubuhan sebuah negara Islam dan menerima perlembagaan Islam yang berdasarkan Syariah. Gabungan politik ini seperti ini boleh ditubuhkan terutamanya untuk menghadapi musuh utama, mencegah ketidakadilan dan korupsi. Gabungan ini juga dibuat atas dasar gabungan sementara dan akan berterusan selama mana ianya tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam dan gerakannya.<sup>23</sup>

Akhirnya satu pakatan baru bernama Angkatan Perpaduan Ummah atau APU dibentuk pada bulan Mei 1989. Ia disertai oleh parti Semangat 46, Berjasa dan Hamim. Gabungan ini juga mendapat sokongan dari Kongres India Muslim Malaysia atau Kimma.<sup>24</sup> Gagasan ini menimbulkan ketegangan di kalangan masyarakat Melayu justeru terdapat dakwaan yang mengatakan bahawa Semangat 46 secara rahsia berkerjasama dengan DAP untuk menubuhkan Gagasan Rakyat. Ini memberikan

kelebihan kepada UMNO untuk terus memainkan isu pembelotan PAS terhadap perjuangan bangsa Melayu dan Islam.<sup>25</sup> Pergolakan kecil juga berlaku dalam PAS di mana sebilangan ahli yang mempersoalkan tindakan ini mencadangkan supaya berkerjasama dengan UMNO yang kelihatan cenderung kepada Islamisasi berbanding Semangat 46 yang masih mengekalkan idealisme lama mereka. Kumpulan yang diketuai oleh Wan Ismail dari Kelantan telah menubuhkan sebuah parti baru bernama Islah.<sup>26</sup>

Tentangan ini tidak mengendurkan hasrat PAS dari gabungan dengan Semangat 46 di mana parti ini seterusnya melancarkan manifesto "*Membangun Bersama Islam*" untuk menghadapi Pilihanraya 1990.<sup>27</sup> Strategi ini berjaya mengembalikan Kelantan ke tangan PAS meskipun Barisan Nasional berjaya mengekalkan majoriti dua-pertiga di Parlimen. Perkongsian kuasa kali ini berbeza dari Kerajaan Campuran di zaman Dato' Asri kerana PAS yang menerajui pemerintahan di Kelantan. Ini memberi kelebihan kepada PAS dalam menggubal polisi selaras dengan prinsip perjuangan Islamnya.<sup>28</sup> Kesungguhan menegakkan Islam di negeri ini terbukti apabila Murshid Am parti tersebut, Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat dilantik sebagai Menteri Besar.<sup>29</sup> Berbagai program dilaksanakan di negeri itu meliputi dari program kecil seperti bacaan Fatihah dalam pembukaan majlis kerajaan sehinggalah kepada pelaksanaan undang-undang Islam seperti yang terkandung dalam Kanun Jenayah Syariah II Kelantan.

Walau bagaimanapun, Pilihanraya Umum 1995 menyaksikan beberapa kerusi parti Semangat 46 dikuasai oleh UMNO.<sup>30</sup> Keretakan hubungan dengan parti kebangsaan ini dikesan apabila ada ura-ura yang mengatakan bahawa Tengku Razaleigh Hamzah akan kembali menyertai UMNO justeru ditawarkan jawatan penting dalam parti dan kerajaan. Di atas alasan perpaduan Melayu, Tengku Razaleigh mengisytiharkan kembali menyertai UMNO pada Mei 1996. Tindakan ini juga menimbulkan ketegangan di antara PAS dengan institusi kesultanan kerana Sultan Kelantan yang dahulunya menyokong kuat kerajaan Angkatan kini berubah haluan.<sup>31</sup> Perkembangan ini sebaliknya mendorong ramai penyokong parti itu menyertai PAS. Ia termasuk dua ADUNnya Hussein Ahmad dan Nordin Yaacob, menyertai PAS bersama ribuan penyokong mereka.<sup>32</sup> Perubahan ahli dari kalangan pendukung UMNO ini menggambarkan kejayaan *tahāluḥ siyāsī* yang dilaksanakan oleh PAS. Ia juga menjelaskan PAS tetap berdiri teguh di atas prinsip perjuangan Islamnya berbanding dengan Semangat 46 yang lebih mengutamakan perpaduan di atas dasar kebangsaan itu. Ringkasnya, pendekatan yang dilaksanakan oleh PAS masih tidak terlepas dari orbit Islamnya, walaupun ia mungkin sedikit sebanyak terpaksa mengeneipkan sentimen kebangsaan Melayu yang pernah didukungnya dahulu.

Sikap dan pendekatan PAS yang semakin terbuka dapat dilihat dari beberapa pendekatan terbaharu parti itu dalam percaturan politik tanahair. Pergolakan politik

dalam UMNO ekoran isu penyingkiran Dato' Seri Anwar Ibrahim digunakan sepenuhnya oleh parti ini untuk melebarkan pengaruhnya di kalangan penyokong UMNO yang dahulunya menentang PAS.<sup>33</sup> Di samping menerima penyertaan ahli-ahli mereka ke dalam parti, PAS menjalin kerjasama dengan parti KeADILan yang diketuai oleh Dr. Wan Azizah, isteri bekas Timbalan Perdana Menteri itu. PAS meluaskan gagasan kerjasamanya dengan DAP dan PSRM, serta badan NGO seperti Suaram dan Tenaganita.<sup>34</sup> Isu Anwar juga menemukan kembali PAS dengan ABIM dan JIM yang pernah suatu ketika dulu mengkritik pendekatan parti ini yang dianggap tidak menepati kaedah sebagai sebuah gerakan Islam.<sup>35</sup> Umumnya PAS berkongsi fahaman dan matlamat yang sama dengan pertubuhan-pertubuhan berkenaan khususnya dalam isu-isu keadilan dan hasrat menumbangkan kerajaan sekarang menerusi saluran demokrasi. Gabungan pembangkang, NGO dan gerakan Islam ini telah memberi saingan sengit kepada Barisan Nasional, khususnya dalam pilihanraya umum ke-10, November 1999 lalu. Ringkasnya, pakatan ini cuba menawarkan kerajaan alternatif yang terdiri dari berbagai-bagai parti yang berbeza ideologi dan pendekatan.

Sebagaimana yang dijangkakan, peranan PAS dalam gabungan ini mengundang pandangan negatif khususnya dari UMNO. Kritikan terhadap PAS semakin meningkat apabila parti ini berhasrat meminda perlembagaannya justeru membuka keahlian kepada bukan Islam. Tindakan ini dilihat tidak lebih dari hanya gimik politik untuk menarik sokongan bukan Islam serta sekali gus membelakangkan ketuanan Melayu di negara ini. PAS juga didakwa mengeneipkan prinsip perjuangan kerana berura-ura menggugurkan slogan menegakkan negara Islam dari perlembagaannya demi berkerjasama dengan DAP.<sup>36</sup> Persoalannya, apakah PAS yakin bahawa keterbukaannya ini akan mendapat maklum balas positif dari DAP yang sememangnya terkenal dengan penentangannya kepada pembentukan negara Islam di Malaysia. Pengalaman bersama parti Semangat 46 menjelaskan betapa hasrat PAS untuk menegakkan sebuah negara Islam masih tidak mendapat sambutan dari kalangan orang Islam sendiri. Apakah PAS yakin bahawa terdapat ahli-ahli DAP atau orang-orang bukan Islam akan menyertainya sebagaimana yang berlaku kepada ahli-ahli Semangat 46 setelah pemimpin mereka kembali kepada UMNO. Jika ini berlaku, bagaimana pula dengan persefahaman yang telah dibina di dalam gabungan parti alternatif tersebut. PAS pasti akan dituduh mengkhianati barisan pembangkang yang mula menampakkan persefahaman yang erat itu. Persoalan asas yang perlu difikirkan ialah apakah PAS masih tidak yakin dengan kemampuan sendiri yang boleh mempengaruhi parti-parti lain menerima gagasan negara Islamnya. Apakah PAS kurang yakin dengan konsep dan matlamat negara Islamnya yang mampu memberikan kesejahteraan kepada seluruh rakyat di negara ini, walaupun pengguguran slogan ini didakwa tidak akan mengubah dasar dan matlamat perjuangan parti itu dari berlandaskan Islam.<sup>37</sup> Apa pun

tanggapan atau justifikasi yang diberikan oleh PAS ia tidak dapat menghindarkan dari kritikan dan manipulasi lawannya terhadap isu ini. Justeru itu, apakah pendekatan terkini parti Islam ini boleh dianggap berkesan dari sudut dakwah atau hanya melambangkan kedangkalan politik semasa parti berkenaan.

#### (IV)

Berdasarkan sorotan di atas, tidak syak lagi bahawa PAS telah melalui perkembangan dan perubahan semasa dalam rangka mencapai matlamat perjuangan menegakkan Islam di Malaysia. Walaupun perkembangan ini memperlihatkan beberapa perubahan penting dalam pendekatan PAS menyebarkan idealismenya, adalah terlalu awal untuk membuat kesimpulan bahawa parti ini telah meninggalkan prinsip perjuangan Islamnya. PAS mungkin telah melonggarkan ikatan kemelayuannya, tetapi ini tidak bererti bahawa bangsa Melayu akan terabai sekiranya parti itu terus menekankan perjuangan Islamnya. Ini adalah disebabkan bahawa bangsa Melayu selaku pendukung majoriti Islam pastinya akan terbela walaupun pendekatan dan tindakan PAS tidak lagi dibuat di atas perhitungan asas kebangsaan. Analisa terhadap PAS sebenarnya tidak sama dengan analisa terhadap UMNO yang bertolak dari asas kebangsaan sebagai teras untuk mengukur perubahan dasar parti. Pendekatan PAS yang meletakkan Islam sebagai dasar adalah berbeza dengan amalan parti nasionalis yang pragmatis. Walaupun PAS sedikit sebanyak telah dan akan berubah, ia masih dikawal oleh Islam yang bersifat membawa rahmat kepada sekalian alam berbanding pendekatan parti yang bertunjangkan perjuangan bangsanya sahaja. Sebagaimana UMNO yang telah diberi peluang untuk memimpin Malaysia berdasarkan pendekatan nasionalis-pragmatismenya, apakah PAS terlalu naif untuk diberi peluang membuktikan keberkesanan idealisme Islamnya dalam masyarakat berbilang kaum ini.

## Nota Hujung

1. *Utusan Malaysia*, 11 Jun 1999.
2. Maklumat lanjut mengenai ideologi awal PAS serta perbezaannya dengan ideologi UMNO boleh dilihat dalam N.J. Funston, *Malay Politics in Malaysia A Study of UMNO and PAS*, (Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books, 1980).
3. Maklumat lanjut tentang perjuangan Islam dalam PAS sejak awal penubuhannya (termasuk pemikiran Dr. Burhanuddin al-Helmi) boleh dilihat dalam Panel Pengkaji Sejarah Pusat Penyelidikan PAS Pusat, *PAS Dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan*, (1999). Juga lihat Shafie Ibrahim, *The Islamic Party of Malaysia: Its Formative Stages and Ideology*, (Pasir Puteh: Nawi Enterprise, 1981).
4. Sila lihat maklumat lanjut berkaitan dengan komitmen terhadap Islam di antara PAS dan UMNO dalam Ibrahim Ahmad, *Konflik UMNO-PAS Dalam Isu Islamisasi*, (Petaling Jaya: IBIS, 1989).
5. Zulkiple Abd. Ghani, "Diffusion of Da'wah Through Broadcasting Media: The Experience of Radio Television Malaysia", tesis Ph.D, University of Edinburgh 1995, ms. 65. Kritikan lanjut tentang pentadbiran PAS di Kelantan di bawah pimpinan Asri lihat Alias Mohamed, *Kelantan di Bawah Pemerintahan PAS: Masalah Tanah dan Rasuah*, (Petaling Jaya: Gateway Publishing House, 1994) dan *Kelantan: Politik dan Dilema Pembangunan*, (Kuala Lumpur: Utusan Melayu Publications, 1975).
6. Asri, *Memoir Politik Asri*, ms. 89-90. Lihat juga Syed Hussin Ali, *The Malay Their Problems and Future*, (Kuala Lumpur: Longman, 1987), ms. 37.
7. Alias Mohamed, *PAS: Platform Development and Change, 1951-1986*, (Petaling Jaya: Gateway Publishing House, 1994), ms. 126. lihat juga Chamil Wariya, *Politik Kompromi*, (Kuala Lumpur: Publishing And Distributors, 1989), ms. 67.
8. Alias Mohamed, *PAS: Platform Development and Change, 1951-1986*, ms. 121.
9. *Ibid*, ms. 142.
10. Abu Bakar Hamzah, *Parti PAS Dengan Tahaluf Siyasinya*. (Kuala Lumpur: Media Cendekiawan, 1922), ms. 8.
11. N.J. Funston, *Malay Politics in Malaysia*, ms. 121. Lihat juga Halim Mahmud, *Asri Muda Dalam Dilema*, (Kuala Lumpur: Hafar Enterprise, 1983), ms. 41.
12. Pejabat Agung, *Persatuan Islam Se-Tanah Melayu (PAS) and Alliance Members*. Lihat juga Asri Muda, *Memoir Politik Asri Meniti Arus*, ms. 91-93.

13. *Ibid.*
14. Di antara pemimpin PAS yang diberi jawatan penting dalam kerajaan campuran ini ialah Hj. Yusof Rawa (Timbalan Menteri Perusahaan Utama), Abu Bakar Omar (Timbalan Menteri Kesihatan), Abu Bakar Hamzah (Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar), Zahari Awang (Setiausaha Kementerian Luar Negeri), Mustapha Ali (Setiausaha Parlimen, Kementerian Perusahaan dan Perindustrian) dan Wahab Yunus (Setiausaha Parlimen, Kementerian Kewangan). Lihat Asri Muda, *Memoir Politik Asri Meniti Arus*, ms. 98-100.
15. Mustapha Ali, "Malaysia" dalam Azzam Tamimi, *Power Sharing in Islam*, (London: Liberty, 1993), ms. 115-116.
16. *Ibid.*, ms. 117. Lihat juga Norhashimah Yasin, "Islamisation or Malaynisation? A study on the Role of Islamic Law in the Economic Development of Malaysia: 1986 -1993", Ph.D. tesis, University of Warwick, 1994.
17. *Utusan Malaysia* 11 Februari 1985.
18. Chandra Muzaffar, *Islamic Resurgence in Malaysia*, ms. 92. Lihat juga *Utusan Malaysia*, 13 Februari 1985.
19. *New Sunday Times*, 13 Julai 1986.
20. *Era*, 21 Julai 1986, *Dewan Masyarakat*, Ogos 1986, dan Abu Bakar Hamzah, *PAS dengan Tahaluf Siyasinya*, ms. 36.
21. *Harian Kota*, 17 Julai 1986.
22. Zambri Abdul Kadir, "Religion And Politics: The Search for Political Legitimacy of the Pan-Islamic Party of Malaysia", tesis Ph.D., Temple University, USA, 1996, ms. 352-353.
23. Abu Bakar Hamzah, *Parti PAS Dengan Tahaluf Siyasinya*, ms.70. *Al-Ummah*, September 1989
24. *Harakah*, 12 Oktober 1990.
25. Gagasan Rakyat didakwa mengandungi gabungan di antara Semangat 46, DAP dan PBS. DAP lazimnya dikaitkan dengan sikap anti-Melayu, manakala PBS pula dihubungkan dengan kegiatan Kristian. Kemenangan mereka dalam pilihanraya umum didakwa akan mengancam ketuanan Melayu dan Islam di Malaysia.
26. Angkatan Keadilan Islah Malaysia atau AKIM menyertai Pilihanraya Umum 1995 di Kelantan. Ia didakwa mendapat sokongan UMNO untuk tujuan memecahkan undi PAS di negeri tersebut. Namun demikian, usaha ini tidak

- berjaya apabila semua calonnya tewas dan hilang wang pertaruhan. *Harakah*, 16 Oktober 1990.
27. Lihat “*Membangun Bersama Islam Manifesto Politik/Pilihanraya PAS 1990*”, Lajnah Penerangan PAS Pusat. *Dewan Masyarakat*, 10 Oktober 1989 dan *Harakah*, 22 Oktober 1990.
  28. Mustapha Ali, “Malaysia” dalam Azzam Tamimi, *Power-Sharing in Islam*, ms. 121.
  29. *Utusan Malaysia*, 22 Oktober 1990.
  30. *The Daily Telegraph*, 29 April 1995.
  31. *Utusan Malaysia*, 22 April 1996 dan *Berita Harian*, 8 Julai 1996.
  32. *Utusan Malaysia*, 20 Julai 1997; *Harakah*, 6 Disember 1996; *Harakah*, 15 Disember 1997 dan *Harakah*, 20 Mei 1996.
  33. *Utusan Malaysia*, 3 September 1998 dan *Berita Harian*, 3 September 1998.
  34. *Detik*, bil. 5, 1999.
  35. Badlisham Mohd Nasir, “Islamic Movements in Malaysia: A Change and Challenge in the Post Islamic Resurgence Period” dalam *Hamdard Islamicus*, vol. XXII, no. 1, January-March 1999, ms. 27- 36.
  36. *Berita Harian*, 24 Jun 1999.
  37. Sehingga rencana ini ditulis, cadangan pengguguran penubuhan parti Islam dari perlembagaan parti hanya ditimbulkan oleh Murshidul Am PAS, Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat. Ia masih diperingkat cadangan dan masih belum diputuskan oleh Jawatankuasa PAS Pusat. Antara hujah beliau ialah Nabi pernah menggugurkan gelarannya sebagai Rasulullah dan digantikan sebagai Muhammad sahaja dalam perjanjian Hudaibiah. Ini sama sekali tidak mengubah dasar perjuangan Islam dan matlamat baginda untuk menawan Mekah dari tangan orang-orang kafir Musyrikin.